JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR
Tingkat M,9,10,11,14,17 & 18 , No.1, Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C , Seksyen 9
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-5123 7333,03-5123 7334,03-5123 7335,03-5123 7401
Faks : 03-5123 7202 (Pengarah),03-5123 7209 (Pengurusan),
03-5123 7299 (Perubatan),03-5123 7389 (Pergigian),
03-5123 7399(Kesihatan Awam),03-5123 7402 (BKKM),
03-5123 8604 (Farmasi)

Portal Rasmi : www.jknselangor.moh.gov.my

Ruj. kami : JKNS/KA/V/600-5/2/1 (11)
Tarikh : 20 Mac 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

***KEY POINTS* HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEMATIAN DEMAM DENGGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 3/2023**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor adalah komited ke arah mencapai sasaran Kadar Kematian Demam Denggi - *Case Fatality Rate (CFR)* <0.2% seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. ***CFR* tahun 2022 yang dicatatkan oleh Selangor ialah 0.04%.**

3. Mesyuarat Semakan Kematian Denggi Peringkat Negeri Selangor **Bil 3/2023 telah diadakan pada 15 Februari 2023.** Berikut adalah *key points* hasil mesyuarat tersebut sebagai perkara yang perlu diberi perhatian dan tindaksusul oleh semua PTJ di Negeri Selangor:

3.1 Penghantaran Pesakit Demam Denggi Kritikal Ke Hospital Berpakar

Semua pesakit demam denggi yang kritikal di hospital daerah yang tidak berpakar dan memerlukan rawatan rapi di hospital berpakar hendaklah dirujuk dengan segera. Bagi memastikan penghantaran kes ini dapat dilakukan dengan segera, pihak hospital perlu memastikan kenderaan ambulan adalah mencukupi dan dalam keadaan baik.

Tindakan: Bahagian Perubatan, Negeri
Pengarah Hospital Negeri Selangor

3.2 Pemantauan Carta *Input Output* Pesakit Demam Denggi Kritikal

Semua pesakit demam denggi yang kritikal dihospital perlu dipastikan dibuat *strict input output chart* dengan rapi di mana-mana jabatan termasuk di jabatan kecemasan. Ini bagi memastikan pengurusan *fluid* pesakit demam denggi yang kritikal dibuat dengan tepat. Bagi memastikan pemantauan rapi dapat dijalankan, pihak hospital perlu

memastikan terdapat anggota petugas atau paramedik yang mencukupi.

Tindakan: Bahagian Perubatan, Negeri
Pengarah Hospital Negeri Selangor
Ketua Perkhidmatan Kecemasan Negeri
Ketua Perkhidmatan Perubatan Negeri
Ketua Perkhidmatan Anaestisiologi Negeri
Ketua Penyelia PPP Negeri
Ketua Penyelia Kejururawatan Negeri

3.3 *Review* Keputusan Ujian Makmal

Semua pihak perlu memastikan ujian darah bagi pesakit demam denggi yang kritikal perlu dilihat dalam tempoh yang singkat. Ini adalah disebabkan keputusan ujian darah pesakit demam denggi yang kritikal ini akan melibatkan *patient care*. Bagi memastikan perkara ini dapat di laksanakan disemua peringkat, semua pihak perlu memastikan perkara berkaitan atau sistem yang terlibat berjalan lancar. Pemohon perlu *follow-up* ujian yang dipohon dan kemaskini keputusan ujian darah makmal ini di dalam rekod pesakit.

Tindakan: Bahagian Perubatan Negeri
Ketua Perkhidmatan Patologi Negeri
Ketua Perkhidmatan Kecemasan Neger
Ketua Perkhidmatan Perubatan Negeri
Ketua Perkhidmatan Anaestisiologi Negeri
Ketua Penyelia PPP Negeri

3.4 Transfusi Darah Pesakit Demam Denggi Yang Kritikal

Pesakit demam denggi yang kritikal perlu dibuat diagnosis yang tepat dan dipastikan adakah pesakit kritikal ini dalam keadaan status *leaking* atau *bleeding.* Diagnosis yang tepat akan membantu dalam perawatan pesakit seterusnya. Sekiranya pesakit dalam keadaan *bleeding,* transfusi darah perlu dijalankan segera. Bagi memastikan perkara ini dilaksanakan segera, ujian darah *group cross match (GXM)* perlu dibuat ketika pesakit disyakki *bleeding.* Borang permohonan ujian ini perlu dinyatakan dengan jelas diagnosis pesakit dan pihak makmal perlu melakukan ujian ini dengan segera dan pemohon perlu *follow-up* ujian yang dipohon.

Tindakan: Ketua Perkhidmatan Kecemasan Negeri
Ketua Perkhidmatan Perubatan Negeri
Ketua Perkhidmatan Anaestisiologi Negeri
Ketua Perkhidmatan Haematologi Negeri

3.5 Pengurusan Pesakit Demam Denggi Dengan *Uncontrolled Diabetes*

Semua pesakit demam denggi dengan status *uncontrolled diabetes,* perlu dipantau dengan rapi *carta input & output* serta pesakit ini perlu dirawat dan distabilkan dengan segera. Rawatan *insulin sliding scale* perlu diberi segera dan dibuat *close blood sugar monitoring.*

Tindakan: Ketua Perkhidmatan Kecemasan Negeri
Ketua Perkhidmatan Perubatan Negeri
Ketua Perkhidmatan Anaestisiologi Negeri

3.6 Kesedaran Pesakit Terhadap Demam Denggi

Semua Pengamal Perubatan yang bertugas di fasiliti kesihatan di negeri Selangor terutamanya di kawasan Lembah Klang perlu meningkatkan kesedaran dikalangan pesakit demam untuk mendapatkan rawatan segera sekiranya terdapat tanda-tanda atau gejala demam denggi terutamanya mereka dengan *co-morbid.* Pengamal Perubatan sekurang-kurangnya perlu menjalankan ujian *full blood count* untuk melihat status pesakit dan sekiranya mereka menghadapi masalah kewangan untuk bayaran ujian yang dijalankan, pesakit dengan *co-morbid* ini perlu dirujuk ke fasiliti klinik kesihatan terdekat.

Tindakan: Ketua Cawangan Kesihatan Amalan Perubatan Negeri
Ketua Pakar Perubatan Keluarga Negeri

3.7 Perkongsian Maklumat Lokaliti Wabak Denggi

Pihak Pejabat Kesihatan Daerah perlu berkongsi maklumat lokaliti wabak denggi bersama semua fasiliti kesihatan di bawah daerah masing-masing termasuk fasiliti kesihatan swasta. Ini untuk meningkatkan kesedaran dikalangan Pengamal Perubatan sekiranya terdapat pesakit demam yang datang dari lokaliti wabak denggi.

Tindakan: Pegawai Kesihatan Daerah

4. Sehubungan dengan itu, dimohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dapat menyampaikan maklumat ini kepada pegawai dan anggota kesihatan di bawah seliaan agar perkhidmatan yang diberikan adalah komprehensif.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah

(DATO' INDERA DR. SHA'ARI BIN NGADIMAN)
No Pendaftaran Penuh MPM: 26842, NSR: 127761
Pengarah Kesihatan Negeri Selangor

s.k

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Ketua Unit
Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, JKNS

Ketua Unit
Unit Kesihatan Primer

Ketua Perkhidmatan
Pakar Perubatan Keluarga (FMS) Negeri Selangor

Ketua Perkhidmatan
Perubatan Negeri Selangor

Ketua Perkhidmatan
Perubatan Kecemasan Negeri Selangor

Ketua Perkhidmatan
Perubatan Anaestisiologi Negeri Selangor

SENARAI EDARAN

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Petaling

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Klang

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Gombak

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Sepang

Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

Pengarah Hospital, Hospital Selayang

Pengarah Hospital, Hospital Serdang

Pengarah Hospital, Hospital Sg. Buloh

Pengarah Hospital, Hospital Ampang

Pengarah Hospital, Hospital Kajang

Pengarah Hospital, Hospital Banting

Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam

Pengarah Hospital, Hospital Kuala Kubu Bharu

Pengarah Hospital, Hospital Tanjong Karang

KEY POINTS HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEMATIAN DEMAM DENGGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 3/2023

Pengarah Hospital, Hospital Shah Alam

Pengarah Hospital, Hospital Orang Asli Gombak

Malaysia Medical Association
4th Floor, Bangunan MMA 124 Jlana Pahang
53000 Kuala Lumpur

Association of Private Hospitals of Malaysia
A-17-01, Menara UOA Bangsar
No 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur

The Private Medical Practitioner's Association Of Selangor and Kuala Lumpur
Unit 1.6, Level 1, Enterprise 3B
Technology Park Malaysia (TPM)
Jalan Innovasi 1
Lebuhraya Puchong- Sungai Besi, Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur